

Teori Tadbir Urus Wakaf Pendidikan Di Universiti Awam Berteraskan Maqasid Al Syariah

Che Zuina Ismail¹, Hamizah Muhammad¹, Nor Adila Mohd Noor¹ & Salimah Yahaya¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Corresponding e-mail: chezu270@uitm.edu.my

E-JITU

Acceptance date:
15th January 2022

Valuation date:
15th March 2022

Publication date:
29th May 2022

Abstrak: Pelaksanaan wakaf pendidikan sebagai instrumen untuk pembangunan fasiliti dan kemudahan di Universiti Awam (UA) di Malaysia pada masa kini dilihat semakin berkembang. Wakaf pendidikan adalah satu instrumen ke arah kemandirian kewangan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Justeru itu objektif kajian ini ialah cuba menganalisis teori tadbir urus wakaf pendidikan dan mencadangkan tadbir urus wakaf Pendidikan di Universiti Awam berteraskan Maqasid al Syariah. Bagi memperoleh maklumat, kajian berbentuk kualitatif secara kepustakaan digunakan untuk membentuk kerangka teori. Kajian kepustakaan dilakukan dengan membuat rujukan kepada dokumen-dokumen seperti buku akademik dan kitab-kitab fiqh, majalah, akhbar, kertas kerja, jurnal, laporan, risalah, surat pekeliling, catatan, maklumat dari laman web serta bahan-bahan atau dokumentasi yang lain. Hasil penelitian dan analisis kepustakaan menunjukkan teori tadbir urus wakaf pendidikan di Universiti Awam berteraskan Maqasid al Syariah adalah garis panduan yang jelas dalam melindungi aset wakaf dari segi kutipan, agihan, pelaburan dan pemasaran wakaf di Universiti Awam agar penyalahgunaan dana wakaf dapat dihindari.

Kata kunci: tadbir urus, wakaf Pendidikan, maqasid al Syariah

Theory of Educational Waqf Governance in Public Universities Based on Maqasid Al Syariah

Abstrak: The implementation of educational waqf as a tool for the construction of facilities and amenities at Malaysian public universities (UA) is increasing. Education waqf is a financial management tool in Malaysia's higher education system. Consequently, the purpose of this study is to evaluate the governance of educational waqf and the proposed administration of educational waqf in public universities according to Maqasid al Syariah. In order to gather information, a theoretical framework is developed by conducting a qualitative literature review. In the literature review, references to academic books and fiqh books, magazines, newspapers, articles, journals, reports, pamphlets, circulars, notes, website information, and other materials or documentation are employed. The findings of research and literature analysis show that the governance of educational waqf in Public Universities based on Maqasid al Syariah is a clear guide in protecting waqf assets in terms of collection, distribution, and marketing of waqf in Public Universities, so that waqf funds are not invested.

Keywords: Maqasid al Syariah, governance, education waqf

1. Pengenalan

Wakaf pendidikan dapat didefinisikan sebagai suatu harta, barangan, aset atau tunai yang diberikan kepada sektor pendidikan atau sesebuah institusi pendidikan secara berterusan atau tidak demi kepentingan dan manfaat awam (Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid, 2014). Wakaf pendidikan tinggi ini merujuk kepada wakaf pelbagai bentuk yang diterima untuk kegunaan sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) Awam dengan tujuan meninggikan taraf pendidikan dan untuk mendapat keredhaan Allah SWT.

Sejak abad ke-17, banyak aktiviti pendidikan dibiayai oleh wakaf dan sumbangan sukarela (Mohd Akram, 2012) di mana konsep wakaf pendidikan ini telah melahirkan institusi-institusi pengajian yang berkekalan serta melahirkan ribuan ulama yang terkenal dan tersohor di seluruh dunia. Antaranya ialah Universiti Cordova di Andalus, al-Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah di Baghdad, Universiti Islam Indonesia, Pondok Pesantren Darunnajah, Indonesia, Madrasah Al-Junied, Singapura, al-Jamiah al-Islamiah di Madinah dan lain-lainnya (Mokhtar Ismail, Hairullfazli Muhammad Som, Mohd. Isa Mohd. Deni & Muna Sulaiman, 2015).

Pelaksanaan wakaf sebagai instrumen untuk pembangunan fasiliti dan kemudahan di Universiti Awam di Malaysia pada masa kini dilihat semakin berkembang. Wakaf dilihat sebagai satu instrumen ke arah kemandirian kewangan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Ia perlu dilaksanakan di institusi pengajian tinggi Malaysia untuk mengekalkan kemajuan institusi itu sendiri (Wan Kamal Mujani, Mohd Syakir Mohd Taib, & Mohamad Khairul Izwan, 2016).

2. Permasalahan Kajian

Pelaksanaan tadbir urus wakaf pendidikan dalam Universiti Awam (UA) masih dalam tahap permulaan dan memerlukan pemerhatian yang lebih serius oleh pelbagai pihak untuk memajukannya. Isu-isu dan cabaran yang timbul harus diketengahkan dalam mengurus perdanakan wakaf di peringkat global. Realiti isu dan cabaran dalam konteks tadbir urus wakaf Pendidikan di Universiti Awam perlu diketengahkan supaya ia dapat membuka mata pelbagai pihak dalam usaha menjadikan wakaf sebagai penjana pendapatan kepada Universiti Awam.

Perkara berkaitan tadbir urus wakaf pendidikan yang paling menonjol ialah untuk merealisasikan instrumen kutipan dana wakaf tunai, seterusnya kaedah penjana dan metod pengendalian pengembangan dana tersebut. Bagaimana dan sejauhmana dana wakaf yang terkumpul ditadbir bagi menjana pendapatan sebagaimana dibenarkan oleh undang-undang dan mematuhi kehendak syariah. Dari aspek pelaburan, banyak aspek yang perlu dikaji sebelum dana wakaf digunakan untuk pelaburan. Aspek modal insan untuk mentadbir dan menguruskannya perlu diberi keutamaan. Maksud modal insan profesional bukan sekadar mengetahui ilmu asas berkaitan wakaf semata-mata, malahan mempunyai pengalaman dalam pentadbiran wakaf yang mendalam dan praktikal.

Aset wakaf ini akan dilindungi oleh dua peruntukan perundangan sedia ada iaitu melalui Enakmen Wakaf Negeri dan juga Akta Universiti. Namun begitu aspek penyelenggaraan dan pentadbiran wakaf pendidikan masih terdedah kepada dieksploitasi dan disalahgunakan. Ahmad Zayyadi (2017) menyatakan bahawa tadbir urus akan menemui kebuntuan untuk dilaksanakan atas sebab amalan korupsi, rasuah, kronisme dan nepotisme yang masih banyak berlaku di merata tempat. Hal ini dibuktikan dalam

penelitian oleh Frimpong (2017) yang mengesahkan pelbagai kebobrokan berlaku apabila kegagalan pelaksanaan tadbir urus tidak diasaskan kepada suatu garis panduan yang lebih terperinci. Persoalannya adakah Buku Ungu yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi sudah cukup sebagai panduan untuk penubuhan dan pengendalian Tabung Wakaf sepenuhnya? Ismail Omar (2016b) berpendapat bahawa Buku Ungu hanyalah sekadar nota dan bukanlah panduan yang menjadi dasar untuk penubuhan dan pengurusan Tabung Wakaf sepenuhnya. Sehingga kini belum ada dasar khas yang menjadi rujukan Universiti Awam selain daripada Buku Ungu. Dalam konteks Perlembagaan Universiti pula, istilah wakaf tidak disebut secara langsung. Namun begitu, ia tidak menafikan hak universiti untuk mengumpul dana melalui instrumen wakaf kerana universiti sebagai entiti korporat mempunyai kuasa menurut undang-undang berdasarkan Jadual 1, seksyen 8, di bahagian 1 (Perlembagaan), perkara 3 (3c) AUKU 1971. Peruntukan ini menjelaskan bahawa sesebuah universiti mempunyai kapasiti untuk melaksanakan sebarang transaksi berbentuk kehartaan termasuk dalam hal memiliki harta, menjual dan membeli sebarang harta sama ada harta alih dan tidak alih, membuat pajakan, pertukaran, sumbangan dan sebagainya.

Sekiranya dalam beberapa hal tadbir urus timbul perbezaan kefahaman antara MAIN (Majlis Agama Islam Negeri) dan UA. Ianya akan menghalang penjanaan dana serta pembangunan wakaf kerana tidak mempunyai tafsiran serta pemahaman yang sama dan perkara ini seharusnya diselesaikan agar pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi ini dapat dilaksanakan dengan lebih optimum.. Wujudkan perundangan khusus wakaf pendidikan tinggi yang memberi kebenaran penarafan *mutawalli* kepada pihak universiti. Begitu juga perundangan khusus dan indeks/garis panduan yang jelas dalam melindungi aset wakaf pendidikan di UA untuk mengawal selia pentadbiran wakaf dari segi kutipan, agihan, pelaburan dan pemasaran wakaf di universiti dilihat menjadi keperluan agar penyalahgunaan dana wakaf dapat dihindari (Bahari, Z., & Shukor, A. S., 2017)

3. Kajian Literatur

Noor Inayah (2014) menjelaskan dua perkara asas agar instrumen wakaf pendidikan dapat dimanfaatkan ialah apabila warga kepimpinan UA memiliki dan menguasai paduan intelektual dan kebijaksanaan dalam menguruskan wakaf pendidikan serta satu garis panduan pelaksanaan wakaf pendidikan yang bersesuaian dengan kehendak pengajian tinggi negara. Kepakaran yang ada di universiti ini seharusnya dimaksimumkan kerana universiti mempunyai kepelbagaian bidang dan seharusnya mengambil peluang ini sebaiknya. Pendapat ini disokong juga oleh pengkaji lepas seperti Zakaria Bahari (2013); Siti Zakiah Ali dan Hairunnizam Wahid (2014); Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli dan Roslina Hashim (2015) Rohayati Hussin dan Rusnadewi Abd Rashid (2015).

Tadbir urus yang baik dan perkhidmatan yang berkualiti juga dapat meningkatkan reputasi UA di mata dunia. (Mokhtar Ismail, 2013; Maszlee Malik, 2015; Nor, S.M., & Rosman, R, 2017; Bakar, M. A. et. al., 2020)

Pelaksanaan wakaf pendidikan UA di Malaysia semakin menarik dengan terlibatnya pihak universiti tertentu yang mengambil inisiatif dalam melaksanakan wakaf untuk tujuan pembangunan pendidikan pelajar dan pengurusan di institusi masing-masing. Perkembangan awal wakaf pendidikan di Malaysia ini telah wujud dalam pelbagai bentuk seperti biasiswa, bantuan kewangan, bangunan asrama pelajar dan alat-

alat pembelajaran seperti meja, buku dan lain-lain (Abdullah, S. R., 2020; Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014). Malah melalui dana wakaf itu sendiri sebenarnya boleh dikembangkan dan dilaburkan bagi menjana keuntungan yang lebih mapan. Pelaksanaan wakaf Pendidikan di university awam bukanlah instrumen yang baru malahan ia telah dilaksanakan di beberapa buah universiti terkemuka di negara-negara seperti Mesir, Turki, Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Singapura dan sebagainya. Di Turki contohnya, wakaf menjadi salah satu sumber penjana kepada 68 universiti di sana (Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman, 2015).

Beberapa Universiti Awam telah mengorak langkah lebih awal dengan memperkenalkan model wakaf secara integratif dalam sistem pendidikan mereka iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM) (Aminah Md Yusof, 2016; Syarimie Wosley, 2016). Beberapa Universiti Awam yang lain seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut mengorak langkah yang sama menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Program Transformasi Universiti dengan mengangkat wakaf sebagai agenda penting untuk penjana ekonomi Universiti Awam dengan mewujudkan garis panduan sepertimana yang telah dinyatakan dalam Buku Ungu (Purple Book).

Tadbir urus juga telah banyak dibincangkan oleh ahli akademik dan golongan profesional di Malaysia. Antara tema yang menjadi tumpuan perbincangan ialah kesesuaian penggunaan istilah ini dalam amalan pengurusan berteraskan syariah Islam. Begitu juga dengan maksud yang tersurat dan tersirat dalam tadbir urus insan (*human governance*) berbanding tadbir urus korporat (*corporate governance*). Perbincangan mengenai kelebihan dan kekurangan antara kedua-dua jenis tadbir urus ini boleh diteliti antaranya dalam hasil kajian Arfah Salleh dan Aziuddin Ahmad (2008, 2009), Aziuddin Ahmad (2010), Dzulkifile Abdul Razak (2013), Zelhuda Samsuddin et. al (2014) serta Abdullah S. R. (2020) berpendapat tadbir urus insan lebih dekat dengan fitrah manusia dan menepati kehendak organisasi berteraskan syariah Islam.

Maqasid As-Syariah adalah satu disiplin ilmu yang mengkaji dan memperinci objektif utama Syariah Islam iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia sejagat. Perbincangan dalam gagasan Maqasid Al Syariah merangkumi seluruh aspek kehidupan iaitu sosio ekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang mana ia adalah kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam. (Siti Arni Basir, 2020)

4. Metodologi

Pengumpulan data dan maklumat kajian kualitatif ini diperoleh melalui sumber kepustakaan. Data berkaitan teori tadbir urus wakaf pendidikan dan aspek maqasid al-Syariah diperoleh melalui penelitian terhadap jurnal, kertas kerja, buku rujukan terpilih, laporan daripada pihak universiti awam yang terpilih, dokumen kerajaan, data atas talian, artikel surat khabar dan sumber-sumber lain yang autentik. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji dan ianya adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada (Jasmi, 2012).

5. Perbincangan

Bagi merealisasikan pelaksanaan wakaf pendidikan di UA, titik tolak kepada aspek tadbir urus adalah aspek sokongan dan pemahaman pentadbir tertinggi di universiti dan di kalangan warga UA sendiri. Mewujudkan tabung wakaf pendidikan mungkin tidak begitu sukar tetapi untuk memastikan matlamat penubuhan tabung itu berjaya menjadi cabaran sekiranya warga universiti seperti pentadbir, pensyarah dan pelajar tidak memahami akan konsep wakaf itu sendiri. Ismail Omar (2016)

Pelaksanaan wakaf di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pihak berkuasa tunggal di negeri masing-masing (Bakar, M. A., Ahmad, S., Salleh, A. D., & Salleh, M. F. N. (2020). Ini adalah kerana menurut Hasliza Talib, Nazneen Ismail dan Nurzatil Ismah Azizan (2014), wakaf di Malaysia termasuk di bawah Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia iaitu di bawah bidang kuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri serta dikecualikan daripada peruntukan Kanun Tanah Negara. Berdasarkan kepada perkara tersebut, setiap MAIN bertanggungjawab menguruskan harta wakaf yang telah didaftarkan di negeri masing-masing, sama ada wakaf am atau wakaf khas yang meliputi harta wakaf alih dan tidak alih serta dalam masa yang sama MAIN bertindak sebagai pemegang amanah tunggal kepada harta wakaf tersebut. Selain itu, konteks tadbir urus wakaf ini melibatkan dua peringkat pengurusan (Nor 'Azzah Kamri, Suhaili Sarif, Nik Azimah Nik Li & Siti Mashitoh Mahamood, 2014; Abdullah, S. R., 2020). Peringkat pertama meliputi perancangan dalam melihat bagaimana harta wakaf boleh dirancang, dikembangkan serta menghasilkan kemanfaatan kepada masyarakat. Peringkat kedua pula, pihak pengurusan lebih menumpukan kepada amalan pengurusan harta wakaf tersebut.

Dalam konteks tadbir urus wakaf pendidikan UA berperanan sebagai *mutawalli* serta pihak penerima wakaf dan pelantikan ini akan dilakukan oleh pihak MAIN. Oleh itu, UA tersebut mempunyai peranan dalam pengurusan dan pembangunan dana tersebut di samping pihak UA juga boleh melantik badan korporat untuk membantu pengurusan tersebut dan membuat pemantauan agar perjalanan wakaf tersebut mengikut apa yang telah diniatkan pewakaf.

Tadbir urus merupakan salah satu perkara tunjang dalam memastikan pelaksanaan sesuatu perancangan dapat dijayakan dengan sistematik dan dapat mencapai objektif sesuatu organisasi yang telah ditetapkan. Dari segi tadbir urus wakaf, perlulah dibangunkan dan dikembangkan segala fungsi, produk (mawquf) dan kepentingannya bagi meningkatkan taraf hidup umat Islam (Bakar, M. A., et. al., 2020). Perkara tadbir urus wakaf ini penting kerana ia merangkumi aspek kecukupan kakitangan serta keahlian kakitangan dalam pengurusan, kefahaman pengurusnya berkaitan wakaf, kemudahan dalam pengurusan seperti penggunaan teknologi terkini, penyimpanan data mengenai wakaf, pelaporan perkembangan harta wakaf dan sebagainya (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014).

Kecekapan dan kejayaan dalam tadbir urus wakaf pendidikan secara teorinya adalah berasaskan piawaian Syariah (Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman & Mohd Izani Mohd Zain, 2008). Teori ini mempunyai kesan yang *efficient* jika diaplikasikan sebagai salah satu indikator keberkesanan pentadbiran. Di peringkat negara, Maqasid As-Syariah adalah menjadi elemen utama Indeks Syariah Malaysia (Abidin, 2016). Semasa berlangsung *Majlis Perdana Ulama' - Umara'* dan *Anugerah Masjid Malaysia 2014* di Putrajaya pada 28 Ogos 2014, YAB Perdana Menteri telah

mencetuskan idea penubuhan Indeks Syariah Malaysia yang melakarkan satu dimensi baharu berkaitan pelaksanaan Syariah di Malaysia yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Pelaksanaan Syariah dalam pentadbiran kerajaan sedaya upaya akan dipastikan memenuhi tujuan dan maksud pensyariatan itu sendiri. Berdasarkan dimensi yang sama, kajian teori tadbir urus wakaf pendidikan piawaian syariah adalah seiring dengan terlaksananya Indeks Syariah Malaysia sebagai penanda aras kejayaan atau kegagalan di dalam mematuhi dan memanfaatkan piawaian Syariah dalam konteks tadbir urus.

Dalam tadbir urus bercirikan Islam, akauntabiliti bukan hanya bersifat horizontal (sesama manusia) namun juga bersifat vertikal (dengan Tuhan) (Isa, 2019; Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman & Zaleha Yazid, 2013.) Hal ini menunjukkan akauntabiliti pelaksanaan tadbir urus bercirikan Islam merangkumi cakupan yang lebih luas. Pasukan pengurusan organisasi atau institusi yang menjalankan pentadbiran menanggapi tadbir urus sebagai suatu amanah berteraskan nilai-nilai Islam yang dikenali sebagai *Itqan* (kehematan dan berpengetahuan), *Ikhlās* (keikhlasan), dan *Amanah* (kejujuran), penyertaan, ketelusan dan efisien (Suhaili Sarif, Nor ‘Azzah Kamri, Siti Mashitoh Mahamood dan Muhamad Zaid Suhaimi, 2015)

6. Kesimpulan

Pemeriksaan dan pengupayaan kemajuan wakaf pendidikan di Universiti Awam akan dapat diperhebatkan dengan syarat aspek tadbir urus dilaksanakan berdasarkan Maqasid al Syariah. Dalam konteks tadbir urus piawaian Syariah secara teorinya dilihat akan dapat menyelesaikan isu-isu dan cabaran seperti perlakuan pecah amanah, ketirisan, rasuah dan penipuan sehingga membantutkan perkembangan wakaf pendidikan dan menyebabkan tujuan pensyariatan wakaf dan hasrat penyumbang dana wakaf pendidikan tidak tercapai.

Bagi merealisasikan pelaksanaan tadbir urus wakaf pendidikan di UA piawaian Syariah, titik tolaknya adalah aspek sokongan dan pemahaman pentadbir tertinggi di UA. Begitu juga kefahaman yang jelas di kalangan warga UA sendiri. Mewujudkan tabung wakaf pendidikan mungkin tidak begitu sukar tetapi untuk memastikan matlamat penubuhan tabung itu berjaya menjadi cabaran sekiranya warga universiti seperti pentadbir, pensyarah dan pelajar tidak memahami akan konsep wakaf dan teori tadbir urus piawaian Syariah.

Perkara berkaitan tadbir urus wakaf pendidikan berteraskan maqasid al Syariah yang paling menonjol ialah untuk merealisasikan instrument kutipan dana wakaf tunai, seterusnya kaedah penajaan dan metod pengendalian pengembangan dana tersebut. Bagaimana dan sejauhmana dana wakaf yang terkumpul ditadbir bagi menjana pendapatan sebagaimana dibenarkan oleh undang-undang dan mematuhi kehendak syariah. Dari aspek pelaburan, banyak aspek yang perlu dikaji sebelum dana wakaf digunakan untuk pelaburan. Aspek modal insan untuk mentadbir dan menguruskannya perlu diberi keutamaan. Maksud modal insan profesional bukan sekadar mengetahui ilmu asas berkaitan wakaf semata-mata, malahan mempunyai pengalaman dalam pentadbiran wakaf yang mendalam dan praktikal.

Keperluan kombinasi antara pihak universiti dengan pihak MAIN perlulah dieratkan agar pentadbiran wakaf dilaksanakan secara syariah di samping langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penyalahgunaan dana wakaf. Pihak UA juga perlu ada struktur yang menguruskan penajaan harta wakafnya sendiri di samping fokus terhadap

gerak kerja wakaf secara lebih serius agar legasi selepas ini dapat memahami dan bertanggungjawab dalam pengurusan wakaf secara berterusan dan lestari.

7. Rujukan

- Abdullah, S. R. (2020). Faktor Kecekapan Tadbir Urus Dalam Pengurusan Pembiayaan Harta Wakaf Produktif Di Malaysia. *Jurnal Tuah*, 1(1). Diakses pada 19 Disember 2020 daripada <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JTuah/article/view/683/540>
- Abidin, Z. Z., Mokhtar, R., & Sungit, F. (2016). Maqasid As-Syariah Dalam Indeks Syariah Malaysia. *Muzakarah Fiqh & Internasional Fiqh Conference (Vol. 22, pp. 221-236)*. Diakses pada 19 Disember 2020 daripada <http://conference.kuis.edu.my/mfifc/images/e-proceeding/2016/221-236-mfifc-2016.pdf>
- Ahmad Zayyadi. (2017). Good Governance Dalam Perspektif Hukum Islam Kontemporer (Tinjauan Usul Fikih dari Teori Peningkatan Norma). *Jurnal al-Manahij*, Vol. XI No. 1, Juni 2017. 1-22.
- Aminah Md Yusof. (2016). Wakaf universiti: Di mana kita? Utusan Online. Diakses pada 1 Januari 2020, daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/wakaf-universitidi-mana-kita-1.424757>
- Arfah Salleh & Aziuddin Ahmad. (2009). Molding Human Business Leaders – What Business School Instructors Can Learn from Quantum Physics. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 5(2), 23-43.
- Aziuddin Ahmad. (2008). *Human Governance: A Paradigm Shift in Governing Corporation*. Kuala Lumpur. MPH Group Publishing.
- Aziuddin Ahmad. (2010). Administration and Management in Islamic Education: Good Governance. Paper presented at the 1st. *International Conference on Islamic Education (ICiED)*, Malaysia.
- Bahari, Z., & Shukor, A. S. (2017). Pemerkasaan Tadbir Urus Wakaf Pendidikan Tinggi Malaysia. *Prosiding Strengthening Local Communities Facing the Global Era*, 1(1). Diakses pada 15 Disember 2020 daripada <http://jurnal.unmuhjember.ac.id/index.php/pslcf/article/view/886/702>
- Bakar, M. A., Ahmad, S., Salleh, A. D., & Salleh, M. F. N. (2020). Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Transformation of Waqf Governance by Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIPs). *Sains Insani*, 5(1), 212-224. Diakses pada 15 Disember 2020 daripada <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/194/136>
- Dzulkifli Abdul Razak. (2013). Exploring New Possibilities in the Era of Sustainabilities: A Post 2015 Perspective. Paper presented at the 3rd. *Regional Conference on Educational Leadership and Management*, Institut Aminuddin Baki, Genting Highland.
- Frimpong, K. (2017). “Civil society organisations and good governance in Ghana”, *International Journal of Development and Sustainability*, 6 (9), pp. 956-971.
- Hasliza Talib, Nazneen Ismail & Nurzatil Ismah Azizan. (2014). Pembangunan dana wakaf: kajian di Perbadanan Wakaf Selangor. Prosiding International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014) di Kuala Lumpur.

- Ismail Omar. (2016a). Cabaran tabung wakaf universiti awam. Utusan Online. Diakses pada 1 Januari 2020, daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/cabaran-tabung-wakafuniversiti-awam-1.379845>.
- Ismail Omar. (2016b). Keperluan wakaf di universiti. Utusan Online. Diakses pada 1 Januari 2020 daripada, <http://www.utusan.com.my/rencana/keperluan-wakaf-di-universiti1.426210#sthash.53K397s8.dpuf>.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Isa, M. H. M., & Yusuf, R. (2019, November). Model Pengurusan Al-Hikmah Sebagai Satu Bentuk Tadbir Urus Bercirikan Islam. In *Asia Pacific Conference On Educational Management And Leadership* (p. 150), Diakses pada 10 Disember 2020 daripada https://www.researchgate.net/profile/Sharmini_Siva_Vikaraman2/publication/338400995_Amalan_Kepentingan_Beretika_Pengetua_dan_Kepercayaan_terhadap_Pemimpin_di_Sekolah_Satu_Langkah_Integrasi/links/5e129fa74585159aa4b474a2/Amalan-Kepentingan-Beretika-Pengetua-dan-Kepercayaan-terhadap-Pemimpin-di-Sekolah-Satu-Langkah-Integrasi.pdf#page=157.
- Maszlee Malik dan Hamidah Mat. (2016). Tatakelola Kerajaan yang Baik (Good Governance): Gerakan Islam dan Rashid Al-Ghannouchi. *Ulum Islamiyyah Journal, Universiti Sains Islam Malaysia Vol.17 (June) 2016. (1-19)*.
- Mokhtar Ismail, Hairullfazli Muhammad Som, Mohd. Isa Mohd. Deni, Muna Sulaiman. (2015). Perkembangan wakaf pendidikan di Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Waqf 2015 (ICW2015): 364-376*.
- Mohamad Akram Laldin. (2012). *Waqaf in education funding: The experience of International Islamic University Malaysia in managing endowment (waqaf) fund*. Diakses pada 10 Disember 2020 daripada <http://www.amanie-icconnect.com>
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda. (2014). Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: satu sorotan literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. UTM Press.
- Noor Inayah Yaakub. (2014, Jun 13). Mencerakkan kejayaan wakaf pendidikan. *Utusan Online*. Diakses pada 10 Disember 2020 daripada <http://www.utusan.com.my>
- Nor S. M., & Rosman, R. (2017). Cabaran dalam Melaksanakan Wakaf Pendidikan Bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *E-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management*. Diakses pada 10 Disember 2020 daripada <http://conference.kuis.edu.my/i-maf/images/e-proceedings/2017/296-308-imaf-2017.pdf>
- Nor 'Azzah Kamri, Suhaili Sarif, Nik Azimah Nik Li & Siti Mashitoh Mahamood. (2014). *Tadbir urus wakaf pendidikan: mekanisme kod etika, dlm. Wan Kamal Mujani (Eds). Pelestarian Institusi Wakaf Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara*. Shah Alam: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman, Zaleha Yazid. (2013). Pengurusan dan pembangunan wakaf pendidikan: Kajian kes di Selangor, Malaysia. *1st International Conference on Islamic Wealth Management*. ISBN: 978-979-9152-02-2: 386-406.

- Nur Yuhanis Imon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli & Roslina Hashim. (2015). Mekanisme wakaf sebagai instrumen pendidikan tinggi swasta: prospek dan cabaran Kolej Universiti Islam Melaka sebagai IPTS. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA.
- Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid. (2014, Disember). Kelestarian wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan: kajian awal. Kertas Kerja *International Conference on Postgraduate Research* di Kuala Lumpur.
- Rohayati Hussin & Rusnadewi Abd Rashid. (2015). Isu-isu berkaitan tanah wakaf halangan kepada pembangunan institusi wakaf pendidikan tinggi di Malaysia. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman, Mohd Izani Mohd Zain. (2008). Efektif governan dan pelaksanaannya dalam pentadbiran Islam. *Jurnal Syariah*. Jil. 16: 465-496.
- Siti Arni Basir. (2020). Impak Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah Ms1900 Ke Arah Pencapaian Maqasid Syariah: Kajian Kes Di Pusat Zakat Melaka. E-Prosiding Seminar Maya Maqasid Syariah & Tadbir Urus (SEMASYUR 2020), Diakses pada 1 Januari 2020 daripada <https://azka.zakat.com.my/semasyur/>
- Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid. (2014, Oktober). Peranan dan kepentingan dana wakaf institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) di Kuala Terengganu, Terengganu.
- Siti Mashitoh Mahamood, & Asmak Ab Rahman. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: Is it possible ? *Emerald Insight Humanomics*, 31(4), 430-453.
- Suhaili Sarif, Nor 'Azzah Kamri, Siti Mashitoh Mahamood, & Muhammad Zaid Suhaimi. (2015). *Komunikasi dan pelaporan sebagai mekanisme tadbir urus dan kemampanan wakaf pendidikan tinggi. Dalam Baharuddin Sayin (Ed.), Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia Satu Penantian* (pp. 85-99). Universiti Teknologi MARA.
- Syarimie Wosley. (2016). *UMK anjur seminar pembangunan wakaf pendidikan tinggi, pupuk kefahaman masyarakat pelaksanaan agenda wakaf di universiti awam*. Berita Universiti Malaysia Kelantan. Diakses pada 1 Januari 2020 daripada <http://www.umk.edu.my/index.php/my/component/k2/itemlist/category/78-latest-news>
- Wan Kamal Mujani, Mohd Syakir Mohd Taib, & Mohamad Khairul Izwan. (2016). Waqf higher education in Malaysia. Dalam *International Conference on Education, E-learning and Management Technology (EEMT 2016)* (pp. 519-522).
- Zakaria Bahari. (2013). Disember). Pembiayaan pembangunan pengajian tinggi: kes pembangunan wakaf kompleks ISDEV, Universiti Sains Malaysia. Kertas kerja Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam (SeiPTI2013) di Bandar Sri Begawan, Brunei.
- Zelhuda Samsuddin, Abdul Ghafar Ismail, dan Bayu Taufiq. (2014). Penilaian Teoritikol Terhadap Ciri-Ciri Tadbir Urus Di Kalangan Lembaga Pengarah Koperasi Di



Malaysia. *1st International Conference on Management and Muamalah 2014* (1st ICoMM).